

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang  
Sidang Akademik 1995/96  
Jun 1996  
**KTA 314 - Kimia Logam Peralihan**  
Masa : (3 Jam)

Jawab sebarang **LIMA** soalan.


Hanya LIMA jawapan yang pertama sahaja akan diperiksa.

Jawab tiap-tiap soalan pada muka surat yang baru.

Kertas ini mengandungi TUJUH soalan semuanya (6 muka surat)

1. (a) Berikan nama IUPAC bagi setiap sebatian koordinatan yang berikut :

- (i)  $[\text{CrCl}_2(\text{NH}_3)_4]\text{Cl}$
- (ii)  $[\text{CoBrCl}(\text{NH}_3)_2(\text{en})]^+$
- (iii)  $[\text{IrCl}_2(\text{NH}_2)_2 \text{en}]$
- (iv)  $\text{K}_2[\text{Ni}(\text{CN})_4]$
- (v)



(10 markah)

(b) Huraikan pendekatan teori medan hablur.

(10 markah)

2. (a) Nilai momen magnet bagi tiga sebatian nikel disenaraikan di bawah.

<u>Sebatian</u>	<u>Momen magnet, <math>\mu</math> (B.M.)</u>
$[\text{Ni}(\text{CN})_4]^{2-}$	3.1
$[\text{Ni}(\text{CO})_4]$	0
$[\text{Ni}(\text{SCN})_2(\text{en})_2]$	2.9

- (i) Dengan menggunakan teori ikatan valens, terangkan perbezaan momen magnet yang ketara bagi sebatian-sebatian  $[\text{Ni}(\text{CN})_4]^{2-}$  dan  $[\text{Ni}(\text{CO})_4]$ .

(5 markah)

- (ii) Diketahui bahawa en bertindak sebagai ligan bidentat, bincangkan struktur yang mungkin untuk  $[\text{Ni}(\text{SCN})_2(\text{en})_2]$  dengan berdasarkan teori ikatan valens.

(5 markah)

- (b) Siri spektrokimia boleh digunakan untuk menentukan jenis kompleks spin tinggi dan spin rendah. Bincangkan.

(10 markah)

3. (a) Terangkan mengapa kedua-dua Pd(II) dan Pt(II) membentuk kompleks satah persegi manakala Ni(II) membentuk kedua-dua kompleks satah persegi dan tetrahedral.

(6 markah)

- (b) Nyatakan faktor-faktor yang mempengaruhi kestabilan kompleks.

(6 markah)

- (c) Huraikan secara ringkas kaedah yang digunakan untuk memisahkan campuran kompleks logam peralihan. Berikan contoh yang sesuai untuk menyokong jawapan anda.
- (8 markah)
4. Garam kompleks platinum(II) yang berformulasi  $\text{Pt}(\text{PPh}_3)_2(\text{CNCH}_3)_2\text{Br}_2$  (A) bertindakbalas dengan  $\text{Br}^-$  menghasilkan kompleks B. Kompleks B didapati mengalami penyingkiran  $\text{CNCH}_3$  supaya membentuk kompleks C yang stabil. Ketiga-tiga kompleks A, B dan C mempunyai formula molekul yang sama dengan masing-masing mempunyai nilai kekonduktifan molar ( $\Lambda$ ) seperti di bawah.
- | <u>Sebatian</u> | <u><math>\Lambda (\text{ohm}^{-1} \text{mol}^{-1})</math></u> |
|-----------------|---|
| A               | 320   |
| B               | 145   |
| C               | 142   |
- (a) Dengan berdasarkan data kekonduktifan molar dan mengetahui bahawa salah satu ligan  $\text{CNCH}_3$  bersifat neutral serta berkoordinat kepada Pt melalui atom karbon C, tentukan struktur yang mungkin bagi kompleks A, B dan C.
- (12 markah)
- (b) Cadangkan semua isomer yang mungkin bagi kompleks A dan B.
- (8 markah)
5. (a) Bincangkan postulat-postulat Werner.
- (6 markah)

- (b) Sebatian  $\text{CoCl}_3 \cdot 2\text{bipy}$  (bipy = bipiridina) mengandungi hanya satu ion klorida sahaja yang dimendakkan selepas pembubuhan ion argentum.
- (i) Lakarkan struktur sebatian ini berdasarkan teori koordinatan Werner.  
(3 markah)
- (ii) Sebatian ini mempunyai pasangan isomernya, lakarkan struktur isomer tersebut.  
(5 markah)
- (iii) Nyatakan isomer yang aktif secara optis.  
(3 markah)
- (iv) Berikan nama IUPAC untuk isomer yang dinyatakan dalam 5 (b)(iii).  
(3 markah)

6. (a) Terangkan

- (i) mekanisme sfera luar  
 (ii) mekanisme disosiatif bes konjugat ( $D_{cb}$ ) .

(6 markah)

- (b) Kompleks  $[\text{CoF}_6]^{3-}$  dan  $[\text{Co}(\text{H}_2\text{O})_3 \text{F}_3]$  adalah paramagnet dan berwarna biru, tetapi kompleks  $[\text{Co}(\text{en})_3]^{3+}$  dan  $[\text{Co}(\text{NO}_2)_6]^{3-}$  mempunyai warna jingga-kuning dan bersifat diamagnet. Berikan penjelasan tentang perbezaan warna berdasarkan konfigurasi elektron.

(7 markah)


- (c) Kompleks ferum dan kompleks kobalt adalah di antara kompleks-kompleks logam peralihan yang banyak memainkan peranan penting di dalam sistem biologi manusia. Huraikan peranan masing-masing dengan contoh-contoh yang jelas dan ringkas.

(7 markah)


7. (a) Pertimbangkan tindak balas berikut yang berlaku di dalam pelarut S.



Dua skema tindak balas yang mungkin berlaku ditunjukkan di bawah :  
(cas pada kompleks dan ligan tidak ditunjukkan).



**Skema I**





**Skema II**

Beri penjelasan tentang kedua-dua skema tersebut dan bincangkan skema yang mana lebih sesuai.

(12 markah)

- (b) Bermula dengan sebatian  $\text{PtCl}_4$ , cadangkan bagaimana kedua-dua sebatian A dan B dapat diperolehi

**A****B**

Tunjukkan semua langkah dengan jelas.

(8 markah)

oooOOOooo